

UMK RESEARCH infolink



SESI KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II

M/S 7



PROJEK UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN MEMBUKA TIRAI TAHUN
BAHARU DENGAN KEJAYAAN DI
PERTANDINGAN REKACIPTA (PEREKA)
2020 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

M/S 10



UMKNEXUS:
KOLABORASI ANTARA
UNIVERSITI MALAYSIA
KELANTAN (UMK) DAN
MARDI

M/S 18



tndpi@umk.edu.my

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman
Prof. Nik Maheran binti Nik Muhammad
Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
Dr Iskandar Shah Fahmie bin Ramlee
Dr. Muhammad Akmal bin Remli
Dr. Maryana binti Mohamed
Dr. Ch'ng Huck Ywih
En. Mohd Aswawi bin Isa

EDITOR

Siti Aisah binti Yusop
Nurraihana binti Hamzah

AHLI

Alifah binti Adnan
Puteri Nurainul Bismi binti Jondi
Nur Athirah binti Mat Yusoff
Muhammad Hafizuddin bin Mat Nawawi
Mohd Adli bin Ismail
Ahmad Shazry bin Supi
Tuan Mohd Nizam bin Tuan Mustapha
Nor Syafawati binti Abd Rahman
Nur Rosamimie Farisa binti Mohd Roslan
Wan Nurhayati binti Wan Yusoff
Siti Zaharah binti Arifin

KETUA PENERBIT

Azman bin Hashim

PENGARAH SENI

Yusroyka bin Karim

PEREKA

Mohamad Kamarul Hisyam bin A Rahman

KANDUNGAN

4	PERUTUSAN NAIB CANSOLOR
5	SECORET KATA TNCPI
8	PEJABAT TNCPI
8	PENYELIDIKAN
10	KOMERSILAN & HARTA INTELEK
12	PENERBITAN & PENARAFAN
14	LENSA AKTIVITI
16	JARINGAN INDUSTRI
18	KEUSAHAWANAN
20	AGRO TECHNO PARK
20	CREATIVE TECHNO PARK
22	PUSAT KECEMERLANGAN GERIC
23	PUSAT KECEMERLANGAN InsPeK
24	PUSAT KECEMERLANGAN IFSSA
25	PUSAT KECEMERLANGAN AIBIG



Perutusan **NAIB CANCELOR**

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Tahniah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) kerana kekal menerbitkan Buletin UMK Research Infolink Edisi kali ke-16 (Edisi 1/2021).

Tahun 2021, kita masih belum bebas daripada pandemik Covid-19. Namun saya masih percaya bahawa agenda penyelidikan, inovasi dan keusahawanan Universiti dibawah portfolio Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan tetap bergerak ranacak seperti tahun 2020.

Saya mendoakan agar “perjalanan” penyelidikan dan keusahawanan pada tahun 2021 akan dapat diharungi dengan kejayaan demi kejayaan yang membanggakan UMK walaupun perlu menempuhi pelbagai cabaran mendatang.

“yang bulat tidak datang bergolek,
yang pipih tidak datang melayang”

Semoga semangat dan iltizam semua warga UMK akan terus menyemarakkan lagi pencapaian penyelidikan, inovasi dan keusahawanan pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

Y.Bhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Bin Ismail
Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan



Secoret Kata TNCPI

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kekuatan kepada sidang penyunting UMK Research Infolink untuk terus komited dalam menghasilkan edisi Ke-16 atau yang pertama bagi tahun 2021.

Tahun 2021 merupakan tahun yang mencabar kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Bagi memastikan salah satu agenda utama Universiti dapat diteruskan dan lebih cemerlang, Pelan Strategik Penyelidikan dan Inovasi 2021-2025 sedang dibangunkan. Ia bertujuan untuk menentukan fokus dan hala tuju utama Universiti dalam bidang penyelidikan dan inovasi selain memperkukuhkan ekosistem penyelidikan (R.I.C.E) sedia ada.

Saya berharap agar dokumen ini akan menjadi salah satu rujukan utama Universiti bagi tempoh 5 tahun akan datang. Semoga pelbagai kejayaan akan terus dicapai sepanjang tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

Y.Bhg. Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan

WEBINAR

Pengenalan Kepada Keselamatan & Kesihatan Pekerja

10 Februari 2021 (Rabu)
9.30 AM - 12.30PM

Platform :
Google Meet

ANJURAN BERSAMA :
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
&
PUSAT PENGURUSAN PERSEKITARAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

OfficialUMK
Entrepreneurship
is Our Thrust


Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

WEBINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

10 Februari 2021 - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah mengadakan sesi Webinar Pengenalan Kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Kelantan iaitu YBrs. Encik Mohd Kudzi Hamat (Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera Kanan) secara atas talian dan telah dihadiri lebih daripada 180 orang.

Tujuan Webinar ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan, kesedaran seterusnya memupukkan amalan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tempat kerja. Ini adalah selaras pematuhan kepada Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 bagi memastikan semua organisasi mengambil berat tentang semua pekerja di tempat kerja dalam aspek KKP serta mematuhi Seksyen 15 (2) (C) bagi untuk menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan untuk memastikan setakat yang praktik keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa waktu bekerja. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menganjurkan program yang sangat bermanfaat sekaligus mempromosikan amalan **BUDAYA KERJA SELAMAT** bagi mencapai **KEMALANGAN SIFAR** di UMK serta meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja dalam aspek KKP.



SESI KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menerima Sesi Kunjungan Hormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi yang berlangsung di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa. UMK diwakili oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Bin Ismail, Naib Canselor UMK, Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dan Ts. Dr. Maryana Binti Mohamad Nor, Pengarah, Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA).

Tujuan kunjungan ini adalah bagi membincangkan jalinan kerjasama di antara UMK dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di dalam pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani. Tiga (3) agenda utama yang akan dibincangkan oleh UMK berkaitan sektor pertanian dan industri asas tani serta penyelidikan jaminan makanan adalah Perbincangan Perasmian 3rd Asia Pacific Regional Conference on Food Security (ARCoFS 2021), Pelaporan Projek Geran Pembangunan Agro Based Industry Development Project dan Permohonan Naik Taraf JELI Cottage Complex.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) UMK DENGAN PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN

02 Mac 2021 - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi mengetengahkan hasil produk cuka tempatan di pasaran domestik mahupun antarabangsa. Ini adalah merupakan salah satu produk inovasi hasil daripada kajian penyelidikan UMK yang dilaksanakan oleh Prof. Madya Dr. Seri Intan Binti Mokhtar daripada Fakulti Industri Asas Tani (FIAT).

MoA ini ditandatangani oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Ismail manakala Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Nik Fazul Fazlee Nik Othman dan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Arham Bin Abdullah serta Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, YB. Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail. Majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) ini telah diadakan di Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan.



RMIC GRANT WORKSHOP SERIES WRITING A WINNING FRGS AND PRGS RESEARCH PROPOSAL 2021

Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan & Penyelidikan (RMIC) telah menganjurkan *RMIC Grand Workshop Series - Writing a Winning FRGS and PRGS Research Proposal* pada 1 – 4 Februari 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Program yang berjalan selama tiga jam bagi setiap siri ini telah disampaikan oleh Penceramah yang dijemput dari kalangan Ketua Kluster dan Panel di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) fakulti sebagai moderator. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada penyelidik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tentang cara-cara dan tips menulis kertas kerja penyelidikan yang terbaik dan mempunyai peluang yang tinggi untuk diluluskan di peringkat KPT. Program ini adalah salah satu inisiatif daripada RMD bagi memastikan peratusan permohonan yang diluluskan meningkat dan menyuburkan budaya penyelidikan di kalangan akademik di UMK.

**RMIC GRANT WORKSHOP SERIES
WRITING A WINNING FRGS AND PRGS
RESEARCH PROPOSAL 2021**

Learn It from the grant evaluators

 Prof. Madya Dr. Hafiza Aisyah binti Hashim KPT Panel for PRGS grant (Domain: Business and Management) Moderator: Assoc. Prof. Dr. Norshella Che Nawi (DPM FPM)	 Dato' Dr. Nik Muhamad bin Nik Ab Majid Ex-Chairman of the Research Cluster on Natural Resources and Heritage for KPT grant (Domain: Natural and Cultural Heritage) Moderator: Assoc. Prof. Dr. Mohammad Rusdi Mohd Nasir (DPM FAEI) & Dr. Khomsan Abd Kadir (DPM FIAT)	 Prof. Ir. Dr. Abdul Latif bin Ahmad KPT Panel for FRGS and PRGS grant (Domain: Technology & Engineering) Moderator: Assoc. Prof. Dr. Muhammad Azvead Sulaiman (DPM FAEK)	 Prof. Dr. Ruslan bin Rainis Head of Social Sciences Domain KPT (Domain: Social Sciences) Moderator: Assoc. Prof. Ts. Dr. Tan Tse Guan (DPM FPM)
1 February 2021 (Mon) 10:00 am – 1:00 pm https://meet.google.com/snj-qjic-kgd	2 Februari 2021 (Tue) 10:00 am – 1:00 pm https://meet.google.com/uda-uboi-jzj	3 Februari 2021 (Wed) 10:00 am – 1:00 pm https://meet.google.com/snd-vnjb-yyk	4 Februari 2021 (Thursday) 10:00 am – 1:00 pm https://meet.google.com/snd-vnjb-yyk

Live via Google Meet | Organised by: Research Management Division (RMD), RMIC

Sustainable Development Goals | Entrepreneurship our Thrust | Kita BinaLegasiUMK Bersama | #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #NothingIsImpossible

SESI TAKLIMAT PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN DAN TADBIR URUS DANA KPM 2021

Bagi memastikan kepatuhan kepada permohonan dan tadbir urus dana KPM, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menganjurkan Sesi Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana KPM pada 4 Februari 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Kanan RMIC iaitu Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman.

Melalui taklimat yang diadakan selama dua jam ini, penyelidik telah diberikan penjelasan yang lebih terperinci berhubung tatacara permohonan dan pengurusan geran penyelidikan.

**Sesi Taklimat
PERMOHONAN
Geran Penyelidikan dan
Tadbir Urus Dana KPM
2021**

**Penceramah:
PROF. IR. TS. DR AHMAD ZIAD SULAIMAN**
Pengarah Kanan, RMIC

**4 FEBRUARI 2021
27 Januari 2021
Rabu / 2.30 – 4.30 ptg.**

**SECARA LANGSUNG
melalui aplikasi Google Meet
<https://meet.google.com/snd-vnjb-yyk>**

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD)
Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RMIC), Universiti Malaysia Kelantan

Sustainable Development Goals | Entrepreneurship our Thrust | Kita BinaLegasiUMK Bersama | #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream #NothingIsImpossible

BENKEL PANEL PENILAI DALAMAN UMK BAGI PERMOHONAN GERAN FRGS DAN PRGS

Panel Penilai Dalaman UMK adalah salah satu kunci penting kepada kejayaan di dalam permohonan geran Penyelidikan FRGS dan PRGS. Oleh itu, bagi memperkasakan panel penilai dalaman, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menganjurkan Bengkel Panel Penilai Dalaman UMK Bagi Permohonan Geran FRGS dan PRGS. Penceramah yang dijemput bagi bengkel ini bukanlah nama asing di peringkat Kementerian iaitu Prof. Dato' Dr. Muhammad Fauzi Bin Mohd Zain, Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan (BKPI KPT) dan Pengarah Kanan RMIC, Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman sebagai moderator. Bengkel ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan oleh para panel penilai dalaman yang rata-ratanya terdiri daripada Profesor dan Profesor Madya. Melalui Bengkel yang diadakan ini, RMD percaya bahawa peratusan permohonan yang berjaya akan meningkat dan dapat menghindarkan daripada teknikal "error" pada permohonan tersebut.

BENKEL PANEL PENILAI DALAMAN UMK BAGI PERMOHONAN GERAN FRGS DAN PRGS

Moderator:
Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman

Penceramah:
Prof. Dato' Dr. Muhammad Fauzi bin Mohd Zain
Pengarah BKPI KPT

Siaran menerusi Google Meet
<https://meet.google.com/tzd-qyiw-rbe>

17 FEBRUARI 2021
Rabu

10:00 PAGI - 12:00 TENGAH HARI

Penganjur:
Research Management Division (RMD), RMIC

Entrepreneurship Our Thrust
Kita BinaLegasiUMK Bersama
#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream
#NothingIsImpossible

BENKEL TAKLIMAT PROJEK PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 – ZERO REJECT PROPOSAL

BENKEL TAKLIMAT PROJEK PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2.0 FASA 1/2021

ZERO REJECT PROPOSAL

Moderator:
Ts. Dr. Mazlan Mohamed
Pensyarah
Fakulti Blok Juteraan dan Teknologi (FBKT)
Universiti Malaysia Kelantan

Penceramah:
Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Sains Malaysia

Google Meet 17 MAC 2021 (RABU) 10:00 PAGI - 12:00 TENGAH HARI

Anjuran: Bahagian Pengurusan Penyelidikan, RMIC UMK

Entrepreneurship Our Thrust
Kita BinaLegasiUMK Bersama
#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream
#NothingIsImpossible

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) sentiasa mencari peluang-peluang dan inisiatif baharu dalam mempelbagaikan projek penyelidikan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Antara geran penyelidikan yang mempunyai potensi untuk kelulusan permohonan adalah Public-Private Research Network (PPRN) 2.0. Geran ini dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk bekerjasama dengan industri seterusnya membantu industri dalam permasalahan yang dialami mereka. Sehubungan itu, RMD telah menganjurkan Bengkel Taklimat Projek Public-Private Research Network (PPRN) 2.0 – Zero Reject Proposal pada 17 Mac 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Bengkel ini telah disampaikan oleh Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Sains Malaysia (USM). Bengkel ini turut disertai oleh penyelidik dari USM dan penyertaan daripada kedua-dua institusi ini adalah sangat memberangsangkan. Melalui bengkel ini, penyelidik dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka tentang geran ini dan meneroka jaringan industri serta pengalaman baharu di dalam penyelidikan.



TARIKH: 21 JANUARI 2021
TEMPAT: UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sebuah pertandingan inovasi telah diadakan oleh Universiti Malaysia Sabah secara dalam talian pada 21 Januari 2021. Pertandingan Rekacipta (PEREKA) 2020 ini adalah sebuah pameran yang mempamerkan aktiviti dan perkembangan inovasi bagi perkongsian ilmu antara komuniti universiti dan masyarakat.

Universiti Malaysia Kelantan telah menghantar sembilan (9) orang penyelidik bagi mewakili universiti dalam pelbagai kluster pertandingan. Daripada semua penyertaan yang bertanding, UMK telah mencatat kutipan pingat sebanyak 2 pingat emas, 3 perak, 3 gangsa dan 1 merit.

Pingat emas telah dimenangi oleh Dr. Amal Najihah binti Muhamad Nor (FSB) dengan projek bertajuk *Prediction of Urban Green Space Landscape Structure for Sustainable Planning* dan Puan Nor Hanim binti Mustafa (FBI) dengan projek bertajuk *iFrames Minecraft: An Innovative Design of User-Generated*. Seterusnya, Dr. Siti Aisyah binti Muhammad (FSE), Dr. Syamsuriana binti Sidek (FKP) dan Ts. Dr. Sarizam bin Mamat (FBKT) masing – masing telah membawa pulang pingat perak manakala Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof (FTKW), Dr. Sitti Fatimah binti Mhd Ramle (FKP) dan Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan (FTKW) telah mengandungi pingat gangsa. Turut mendapat merit bagi pertandingan ini ialah Ts. Dr. SHaparas binti Daliman (FSB).

Kejayaan pertama bagi tahun 2021 ini akan menjadi permulaan bagi sasaran kutipan pingat emas dan khas sebanyak 30 pingat.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN MENERAJUI KECEMERLANGAN DALAM PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT ANTARABANGSA EKSPLO

MAYA REKACIPTA & PAMERAN PENYELIDIKAN (eREKA) 2021

TARIKH: 18 FEBRUARI 2021
TEMPAT: UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (ONLINE)

Penyelidik Universiti Malaysia Kelantan telah memperkukuh nama universiti di Ekspo Maya Rekacipta & Pameran Penyelidikan (eREKA) 2021 apabila berjaya membawa pulang 11 pingat anugerah secara keseluruhannya. Keputusan pertandingan ini telah diumumkan secara dalam talian pada 18 Februari 2021. Antara tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah bagi menggalakkan para penyelidik mempamerkan inovasi mereka di samping menyokong kemajuan negara melalui penyelidikan dan aktiviti perkembangan dalam bidang sains dan teknologi.

UMK telah memenangi 9 pingat emas dan satu pingat perak dalam pelbagai kluster yang dipertandingkan. Antara pemenangnya adalah Ts. Dr. Suganthi A/P Appalasamy (FSB), Ts. Dr. Teo Pao Ter (FBKT), Dr. Siti Aisyah binti Muhammad (FSE), Dr. Muhamad Ezran bin Zainal Abdullaj (FTKW), Dr. Jayaraj Vijay Kumaran (FSB), Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan (FTKW), Prof. Dr. Hjh. Raja Suzana binti Raja Kasim (FKP), Dr. Muhamad Azahar bin Abas (FSB) dan Dr. Khairiyah binti Mat (FIAT). Manakala pingat perak disandang oleh Encik Zulhisyam bin Abdul Kari @ Abdullah dari Fakulti Industri Asas Tani.

Selain daripada pingat emas, Ts. Dr. Suganthi Appalasamy dan Dr. Muhamad Ezran bin Zainal Abdullah masing – masing turut memenangi Anugerah Khas bagi Kategori Biotechnology, Medical Device, Pharmaceuticals & Health dan Social Science, Business & Teaching Innovation. Kejayaan ini sekaligus menampilkan kehebatan penyelidik UMK dalam menjalankan penyelidikan yang berinovasi dan berimpak tinggi. Ia juga menyokong hasrat UMK dalam mensasarkan kutipan 30 pingat emas secara terkumpul.

Bengkel
PENYEDIAAN DOKUMEN
PEMFAILAN PATEN
Anjuran: Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Khusus: Staf Universiti Malaysia Kelantan

Tarikh: 8 - 10 MAC 2021

Pengisian Bengkel:

- Carian Asas Prior Art Paten
- Penyediaan Spesifikasi Paten (Tuntutan Paten)
- Penyediaan Spesifikasi Paten (Ringkasan Ciptaan)
- Penyediaan Spesifikasi Paten (Latar Belakang Ciptaan)
- Penyediaan Spesifikasi Paten (Penerangan Terperinci)
- Pendaftaran Paten

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:
18 Februari 2021 (Tempat adalah terhad)
Sila hantar borang permohonan yang lengkap kepada
Bahagian Komersialan dan Harta Intelek (ICD) | icd@umk.edu.my

BENKEL PENYEDIAAN DOKUMEN PEMFAILAN PATEN SIRI 2 (2021)

TARIKH: 8 – 10 MAC 2021

TEMPAT: H ELITE HOTEL, TUNJONG, KELANTAN

Bagi mendokong cita – cita untuk mencapai penarafan 4 bintang MyRA, Universiti Malaysia Kelantan mengambil langkah agresif dalam memenuhi kriteria penarafan tersebut. Sehubungan itu, Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) telah mengadakan Bengkel Penyediaan Dokumen Pemfailan Paten Siri ke – 2 bagi membantu para penyelidik UMK untuk mempatenkan produk penyelidikan mereka. Bengkel ini telah diadakan untuk kali kedua kerana penjimatan dalam pendaftaran paten sangat tinggi.

Bengkel yang telah diadakan pada 8 - 10 Mac 2021 ini telah melibatkan seramai 16 orang termasuk penyelidik dari pelbagai fakulti, urusetia dan pegawai undang – undang UMK. Seramai empat (4) orang pegawai dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah turut serta sebagai fasilitator yang bertanggungjawab memberi tunjuk ajar sepanjang program.

Bengkel yang diadakan khusus untuk penyelidik UMK di H Elite Hotel, Tunjong ini telah membantu mereka dalam penyediaan dokumen bermula dengan carian asas paten, tuntutan paten, ringkasan ciptaan, latar belakang ciptaan, penerangan terperinci sehingga pendaftaran paten. Di akhir bengkel tersebut, UMK telah berjaya menyiapkan 11 permohonan paten yang akan difailkan kepada MyIPO kelak. Secara kesimpulannya, bengkel ini telah mencapai objektifnya dan diharapkan dapat menarik lebih banyak permohonan paten dari penyelidik UMK di masa hadapan.

WEBINAR RMIC – THE COMBAT STORY: MANAGING AN INNOVATIVE IDEA'S JOURNEY THROUGH THE INNOVATION VALUE CHAIN

TARIKH: 9 FEBRUARI 2021 (SELASA)

TEMPAT: DALAM TALIAN (GOOGLE MEET)

Bahagian Komersialan dan Harta Intelek (ICD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan Webinar RMIC – *The Combat Story: Managing An Innovative Idea's Journey Through The Innovation Value Chain* sebagai salah satu aktiviti bulan Februari.

Webinar secara dalam talian ini telah diadakan pada 9 Februari 2021 (Selasa) dengan menjemput YBrs Dr. Rahmat Shazi, Pengarah Teknologi ShazInnovation Solution, Lembaga Pemegang Amanah, *Combat Advanced Meditech Sdn. Bhd.* sebagai tetamu jemputan bagi berkongsi pengalaman beliau dalam mengkomersialkan produk semasa musim pandemik ini.

Webinar yang berlangsung pada pukul 10.00 pagi dengan menggunakan kaedah Google Meet dan FB Live ini telah disertai oleh 137 orang peserta dari hampir kesemua universiti awam dan swasta di negara dan penonton FB Live mencecah sebanyak 816 tontonan. Webinar ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed selaku moderator program. Program ini bertujuan untuk meningkatkan usaha pengkomersialan harta intelek bagi mengkomersialkan produk dan inovasi para pensyarah UMK.

Webinar
THE COMBAT STORY:
Managing an Innovative Idea's Journey Through the Innovation Value Chain

9 FEB 2021 (TUESDAY)
10.00 A.M.

Join us via Google Meet
XBD-CQFY-RXF

SCAN ME


Assoc. Prof. Dr. Julie
Moderator

Dr. Rahmat Shazi
Board of Trustee
Combat Advanced Meditech Sdn. Bhd.

UMK Kelantan
#UMK Kelantan
#UMK Kelantan
#UMK Kelantan
#UMK Kelantan


SESI PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI BAGI FELO PASCA DOKTORAN BERSAMA TNCPI

Tarikh: 03 Februari 2021
Medium: *Google Meet*



SESI TEMUDUGA SKIM PASCA DOKTORAN

Tarikh: 03 Mac 2021
Medium: *Google Meet*



SCOPUS TALK ON ADDRESSING THE CHALLENGES OF PREDATORY PUBLISHING: MALAYSIA CHAPTER

Tarikh : 25 Februari 2021



PERBINCANGAN THE UNIVERSITY RANKING BERSAMA TASK FORCE

Tarikh: 07 Mac 2021
Medium: *Google Meet*



Kunjungan MENTERI PERTANIAN



Majlis MENANDATANGANI MOA



Program
UNIVERSITY FOR SOCIETY



PROGRAM CEO@Faculty: START YOUR BUSINESS WITH LAZADA

10 Februari 2021 – Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) telah mengadakan program webinar melalui platform Facebook Rasmi UMK dengan menampilkan wakil CEO@Faculty iaitu Encik Afiq Bin Redzuan, Ketua Pegawai Hal Ehwal Kerajaan Dan Polisi Awam, Lazada Malaysia. Di samping itu, Dr. Noor Raihani Binti Zainol, Pensyarah Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan (FKP) pula dipilih sebagai moderator. Program yang bertajuk “Start Your Business With Lazada” ini telah mendapat sambutan yang sangat luar biasa daripada penonton yang terdiri daripada warga UMK, pelajar Universiti Awam (UA) seluruh negara dan wakil industri.

The poster is for a webinar titled "START YOUR BUSINESS WITH LAZADA". It features the logo of Universiti Malaysia Kelantan at the top left. The main title is in large yellow and white letters. Below the title, it says "Bicara CEO@Faculty". The panelist is identified as "ENCIK AFIQ BIN REDZUAN, Ketua Pegawai Hal Ehwal Kerajaan Dan Polisi Awam Lazada Malaysia". The moderator is "DR. NOOR RAIHANI BINTI ZAINOL, Pensyarah Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan". The event is scheduled for "10 FEBRUARI 2021 (RABU) 11.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI". It is a live event on Facebook (officialUMK) and UMKTv. Social media handles like #BinaLegasiUMK and #WeAreUMKFamily are listed at the bottom.

Pelbagai topik dan isu telah dikongsikan selama dua (2) jam 15 minit program ini berlangsung. Antara fokus perbincangan adalah mengenai peluang, teknik dan kaedah untuk para pelajar memasarkan produk menggunakan platform Lazada Malaysia. Selain itu, kaedah untuk membantu pihak industri mengendalikan operasi dan menambahkan dana sepanjang pandemik Covid-19 juga turut dibincangkan. Tidak terkecuali tips dan strategi pemasaran paling berkesan bagi golongan B40 untuk memasarkan produk di Lazada Malaysia turut dikongsikan. Panel juga turut menerangkan tentang platform digital yang disediakan kepada para pelajar untuk mendalami ilmu pemasaran secara berkesan dan tawaran menarik melalui geran, program tutorial serta imbuhan yang sangat lumayan yang bakal diterima oleh pelajar.

Program ini juga turut menyediakan peluang kepada para penonton untuk sesi soal jawab selama setengah jam. Program ini akan diadakan secara berkala berdasarkan sambutan yang diberikan oleh para penonton. Buktinya, statistik menunjukkan seramai 2000 orang telah menonton program ini.

PROGRAM UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) ZON TIMUR: YOUTH AS FISHING TOURISM AMBASSADOR

19 hingga 20 Mac 2021 – Program *University For Society (U4S)* Zon Timur yang dikendalikan oleh kumpulan penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah membuka tirai 2021 dengan mengadakan *Program Youth As Fishing Tourism Ambassador* bertempat di UniSZA IM4U Outreach Camp. Program yang memfokuskan kepada ekopelancongan ini diketuai oleh Puan Fadhilahanim Aryani Binti Abdullah selaku Ketua Penyelidik dan turut disertai oleh ahli kumpulan penyelidik lain iaitu Dr. Anis Amira Binti Abd Rahman, Dr. Muhamad Azahar Bin Abas, Encik Mohammad Nizamuddin Bin Abdul Rahim serta Encik Mohd Adli Bin Ismail selaku sekretariat.

Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada komuniti belia di kawasan Merang, Terengganu. Program yang diadakan selama dua (2) hari satu (1) malam ini telah memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kaedah untuk menghasilkan rancangan perniagaan,


penjanaan pendapatan melalui aktiviti pelancongan, kaedah dan strategi untuk menghasilkan pakej pelancongan yang boleh menarik minat pelancong tempatan dan asing.

Selain itu, penyelidikan mengenai hidupan laut dan menimba ilmu mengenai kaedah menangkap hidupan laut dengan betul seperti mencari lokan, kerang dan sebagainya turut diberikan. Bukan itu sahaja, satu sesi perkongsian bersama usahawan pelancongan terkemuka di Kuala Sepetang dan Water Colour Resort turut diadakan bagi berkongsi tips dan panduan untuk menjadi pemandu pelancong yang berjaya. Sehubungan itu, satu program susulan akan diadakan dalam masa terdekat untuk melihat impak dan keberkesanan aktiviti yang telah dijalankan. Berdasarkan tembuwal dan tinjauan yang dibuat, kebanyakan peserta sangat berpuas hati dengan pengisian program dan berharap agar program ini diadakan secara berkala sepanjang tahun.

Program ini turut disertai oleh pasukan penyelidik daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang memfokuskan kepada program sukan perikanan laut dalam (*sport fishing*).



PROJEK UMKNEXUS: KOLABORASI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DAN MARDI



1 Mac 2021 (Isnin) – Perbincangan Projek Pembangunan dan Pengantarabangsa Syarikat Siswa (UMKNexus) antara UMK dan MARDI mengambil tempat di Bilik Mesyuarat Majlis, UMK Bachok dan dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Arham bin Abdullah (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi) dan dihadiri oleh Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad (Pengarah Kanan UMKEI), Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman (Pengarah Kanan RMIC), Prof. Madya. Dr. Mohammad bin Ismail (Pengarah CEED), Dr. Anis Amira Ab Rahman (Pengarah ISME) dan Puan Alifah Adnan (Timbalan Pendaftar UMKEI). Pihak MARDI pula diwakili oleh Puan Erny Sabrina (Pegawai Penyelidik Kanan) dan Encik Mazwan Ismail (Penolong Pegawai Penyelidik Kanan). Perbincangan ini berjaya mencapai kata sepakat mengenai hala tuju serta skop projek dan aktiviti yang akan dijalankan antara pihak UMK dan MARDI di mana agenda untuk memasarkan produk inovasi UMK ke pasaran antarabangsa (Amerika Utara). Pertemuan ini juga turut membuka ruang beberapa program lain melibatkan pihak MARDI dan UMK terutama dalam mengetengahkan peranan dan fungsi perkhidmatan MARDI yang boleh disertai oleh para pelajar dan staf terutamanya untuk penambahbaikan produk untuk tujuan pengkomersilan.

PERTANDINGAN SIMULASI PERNIAGAAN PERINGKAT NASIONAL

Pertandingan Simulasi Perniagaan merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang melibatkan 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia dan penyertaan pertandingan dari Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPK) dan diselaraskan oleh Institut Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia.

Pertandingan ini akan dilaksanakan secara dalam talian yang melibatkan 5 fasa yang akan bermula pada 6 April 2021. Peringkat akhir Pertandingan Simulasi Perniagaan Peringkat Kebangsaan ini dijadualkan akan berlangsung selama 10 hari bermula dari 26 Julai hingga 04 Ogos 2021 dan akan melibatkan hanya 6 kumpulan terbaik sahaja bagi penentuan pemenang.

UMK telah mempertaruhkan syarikat pelajar Diamond Fibre dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang dibimbing oleh Encik Ahmad Syakir bin Junoh @ Ismail. Diamond Fibre sebuah perniagaan yang menyediakan perkhidmatan tabung syiling automatik mudah alih. Tabung ini menyediakan perkhidmatan pengasingan duit syiling beserta dengan pengiraan automatik.

Sesi pembentangan fasa pertama akan dilaksanakan pada 6 April 2021 secara dalam talian bagi memilih enam (6) kumpulan terbaik untuk keperingkat seterusnya. Pemenang bagi pertandingan ini akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000.00 ringgit dan piala. Diharapkan melalui pertandingan ini, dapat membantu para usahawan pelajar untuk meningkatkan kemahiran terutama dalam *business pitching* di samping menjadi suntikan semangat kepada mereka.



42 ORANG PESERTA BERJAYA MENAMATKAN PROGRAM UNIVERSITY LEADERSENTREPRENEURIAL EDUCATORS BOOTCAMP (UniLEEB) SIRI 1



Seramai 42 orang peserta telah berjaya menamatkan Program University Leaders Entrepreneurial Education Bootcamp (UniLEEB) Siri 1 pada Majlis Apresiasi yang berlangsung secara maya di FB Live UMK pada 11 Mac 2021. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK dan turut dihadiri oleh Prof. Dr. Nordin bin Yahaya, Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK selaku Ketua Program. Seramai 32 orang peserta telah berjaya diiktiraf sebagai Certified Entrepreneurial Leader kerana berjaya melengkapkan ketiga- tiga modul E-Mind (Developing Entrepreneurial Mindset), E-Lead (Change Leadership), I – Bus (Business Innovation) dan tugas yang disediakan. Manakala 10 orang peserta berjaya dianugerahkan Certificate of Completion kerana berjaya menamatkan Modul 1, E- Mind dan Modul 2, E-Lead.

Modul komprehensif ini telah menyediakan latihan untuk pembangunan kepimpinan di pelbagai peringkat dalam pendidikan tinggi. Modul latihan yang dijalankan adalah dirangka mengikut kurikulum yang komprehensif ke arah pembangunan usahawan bercirikan holistik. Program ini memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran kepimpinan keusahawanan dan memperkenalkan strategi untuk menyokong keusahawanan, inovasi dan melaksanakan perubahan di universiti. Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah melantik Universiti Malaysia Kelantan yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK sebagai Ketua Program bagi Program Gled for Entrepreneurial Leaders – UMK : University Leaders' Entrepreneurship Educators Bootcamp ((UniLEEB) melalui pemberian dana sebanyak RM 200,000.00.

ISME, UMKEI TERIMA DANA SEBANYAK RM 200, 000.00 BAGI PENGANJURAN PROGRAM UNIVERSITY LEADER'S ENTREPRENEURIAL EDUCATORS BOOTCAMP (UniLEEB) SIRI KE-2

Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah berjaya memperoleh peruntukan dana keusahawanan berjumlah RM 200,000.00 daripada Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) bagi pelaksanaan program University Leader's Entrepreneurial Educators Bootcamp (UniLEEB) untuk siri yang ke-2.

AKEPT dengan kerjasama ISME, UMKEI akan melaksanakan program University Leaders Entrepreneurial Educators Bootcamp (UNILEEB) siri-2 di mana para peseta akan melengkapkan tiga (3) modul mengikut fokus yang telah ditetapkan. Program ini adalah inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi ke arah memperkasakan kompetensi pemimpin universiti yang berminda keusahawanan, kreatif serta berdaya saing ke arah inovasi terpimpin seiring dengan perkembangan teknologi dan persekitaran semasa.

Antara modul yang akan dianjurkan ialah *Developing Entrepreneurial Mindset*, *Change Leadership* dan *Business Innovation*. Ketiga- tiga modul dijangka bermula pada Julai sehingga September 2021 dengan menampilkan penceramah terkenal peringkat nasional dan antarabangsa dan melibatkan 40 orang peserta daripada universiti awam dan swasta di Malaysia.





AKTIVITI PENJUALAN HASIL PRODUK AGRO TECHNO PARK DI UMK KAMPUS BACHOK DAN KAMPUS KOTA

ATP JELI, 12 JANUARI 2021 - Agro Techno Park telah mengadakan jualan daging puyuh sejuk beku ke UMK Kampus Bachok dan Kampus Kota. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan aktiviti jualan hasil produk berjalan dengan lancar. Melalui jualan ini, ATP telah mendapat hasil jualan sebanyak RM 880.00.



AKTIVITI PERSAMPELAN DARAH BAGI TERNAKAN KAMBING DAN LEMBU UNTUK PERAKUAN KESIHATAN TERNAKAN BEBAS DARI PENYAKIT "ZOOTIC"

ATP JELI, 25 JANUARI 2021 - ATP telah menjalankan aktiviti mengambil sampel darah bagi mendapatkan keputusan ujian penyakit 'zoonotic' pada ternakan lembu dan kambing di ATP UMK Kampus Jeli. Aktiviti ini dijalankan dengan kerjasama staf ATP dan Pejabat Veterinar Jajahan Jeli bagi mendapatkan keputusan penyakit untuk perakuan kesihatan ternakan tersebut adalah bebas dari penyakit 'zoonotic'.



LAWATAN YBHG. PROF TNCPI KE NURSERI

NUERSERI ATP BACHOK, 26 JANUARI 2021 - YBhg. Prof TNCPI telah melawat nurseri ATP Bachok untuk melihat perkembangan terkini nurseri berkenaan. Lawatan ini bermula jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi. Beliau mencadangkan supaya nurseri ini ditambah baik dengan memasukkan beberapa koloni kelulut untuk showcase. Selain itu, YBhg. Prof TNCPI mencadangkan juga supaya ATP berbincang dengan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) supaya menyediakan bunga bagi majlis konvokesyen pada bulan April nanti.



AKTIVITI PENJUALAN HASIL PRODUK AGRO TECHNO PARK DI UMK KAMPUS JELI

ATP JELI, 26 JANUARI 2021 - Agro Techno Park telah mengadakan jualan sayur-sayuran dan ulaman di sekitar UMK Kampus Jeli. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan aktiviti jualan hasil produk berjalan dengan lancar. Melalui jualan ini, ATP telah mendapat hasil jualan sebanyak RM 86.00.



PENJUALAN KELAPA TUA DI KAWASAN UMK BACHOK

LADANG ATP, 27 JANUARI 2021 – Kerja-kerja memetik kelapa tua telah dilakukan oleh pembeli di sekitar UMK Bachok. Kerja-kerja ini telah mengambil masa selama dua (2) hari untuk memetik keseluruhan kelapa di UMK. Hasil daripada kerja-kerja ini, ATP telah mendapat hasil sebanyak 202 biji kelapa tua besar dan 108 biji kelapa tua kecil dengan jualan sebanyak RM 256.00



SESI RAKAMAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TERHADAP TERNAKAN KAMBING ATP BERSAMA PENCERAMAH JEMPUTAN DARI UPM

ATP JELI, 21 MAC 2021 – Satu sesi rakaman video telah diadakan oleh pensyarah Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dengan jemputan pensyarah dari UPM iaitu Prof. Madya Dr. Mashitah berkaitan kaedah diagnosis kebuntingan ternakan kambing menggunakan 'ultrasound scanner', kaedah mengumpul simen kambing dan menganalisa sperma ternakan tersebut. Sesi rakaman tersebut telah berjaya dijalankan dengan lancar dan sempurna.



AKTIVITI PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA DAN FAIL PERSEKITARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN OLEH PIHAK CMeOSH UMK

ATP JELI, 23 MAC 2021 – Pihak Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah hadir membuat pemeriksaan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan tempat kerja di pejabat ATP. Pemeriksaan dijalankan dengan lancar dan kerjasama telah diberikan sepenuhnya sepanjang sesi pemeriksaan tersebut dari pihak ATP



PENYERAHAN KENDERAAN LUCUT HAK DARIPADA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA NEGERI KELANTAN

30 Mac - Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan menyerahkan kenderaan lucut hak kepada Pusat Akademi Memandu 4x4 Universiti Malaysia Kelantan secara kaedah derma.



PERJUMPAAN BERSAMA PENGARAH 3PI

Perjumpaan bersama Pengarah 3PI bagi membincangkan mengenai pembangunan kawasan CTP merangkumi utiliti seperti jalan, air, elektrik dan sebagainya.



WEBINAR “STRATEGIES TO SECURE EXTERNAL GRANTS”

14 Januari – YBrs. Dr. Jayaraj Kumaran Vijaya telah dijemput untuk menyampaikan perkongsian mengenai strategi untuk mendapatkan geran dari agensi luar. Beliau turut berkongsi tentang penulisan kertas cadangan yang berimpak tinggi dan berpotensi untuk melayakkan penyelidik untuk mendapat geran dari agensi.

Webinar ini telah dianjurkan oleh pihak Akademik Sains Malaysia dengan kerjasama dari beberapa agensi seperti GERIC-UMK, Malayan Rainforest Station, Majalah Sains, Universiti Malaysia Terengganu, Society for Coservation Biology (Malaysia Chapter), IUCN, SSC, SMSG, dan S.P.E.C.I.E.S.



EKSPLO REKA CIPTA DAN PAMERAN PENYELIDIKAN UniMAP 2021

18 FEBRUARI - GERIC melalui YBrs. Dr. Jayaraj Vijaya Kumaran telah berjaya merangkul 2 emas dan 1 anugerah khas dalam Ekspo Reka Cipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP 2021 (EREKA'21) yang berlangsung pada 18 Januari sehingga 18 Februari 2021 secara atas talian.

Dr. Jayaraj yang mempertaruhkan produk DNA Isolation Kit manakal produk Tericide: Liquid Anti-termite for Household adalah projek penyelidikan bersama felo IFSSA yang turut menerima anugerah khas pada EREKA'21.



MAJLIS PERSARAAN FELO GERIC PROF. DR. ABDUL HAMID MAR IMAN

7 FEBRUARI – GERIC telah meraikan persaraan wajib felo GERIC, YBhg. Prof. Dr. Abdul Hamid Mar Iman di Pejabat UMKEI, Kampus Kota. Majlis Persaraan ini diadakan bagi meraikan pengorbanan dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan beliau bersama UMK. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta staf UMKEI.



PELANTIKAN PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN INOVASI GLOBAL (GERIC)

1 MAC – Ybros. Dr. Adams Adeiza, Pensyarah Kanan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan telah dilantik untuk menyandang jawatan Pengarah GERIC berkuatkuasa mulai 1 Mac 2021 sehingga 30 Oktober 2022.



KUNJUNGAN HORMAT DARI ETIQA TAKAFUL

04 JANUARI 2021 - Kunjungan daripada Etiqa Takaful ke InsPeK, diketuai oleh YBhg Dr Hadi, Ketua Jabatan. Perbincangan antara pasukan Jabatan Syariah Etiqa Takaful dan InsPeK UMK yang senada untuk bersama menguruskan kemiskinan secara berimpak melalui “Corporate Zakat Responsibility (CZR)”.



KUNJUNGAN HORMAT DARI DELEGASI YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

28 FEBRUARI 2021 – Bahagian Pembangunan Usahawan YaPEIM telah mengadakan lawatan ke InsPeK. Beberapa perkara dibincangkan untuk bersama meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti. Usaha yang dilakukan oleh YaPEIM dalam memperkasakan komuniti melalui daya keusahawanan melalui pelbagai strategi dan platform amat dikagumi dan InsPeK akan bersama memetakan usahawan asnaf berasaskan potensi mereka kelak.



KUNJUNGAN HORMAT DARI YAYASAN SUKARELAWAN SISWA (YSS)

07 MAC 2021 - InsPeK telah menerima kunjungan daripada Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Usaha yang dilakukan oleh pasukan YSS wajar dipuji dalam usaha untuk bersama menguruskan komuniti rentan, termasuklah komuniti miskin. Perbincangan diadakan bagi berkongsi idea dan mencari ruang berkerja bersama. InsPeK turut mempunyai kelab sukarelawan siswa yang dikenali sebagai Kelab NADI InsPeK. NADI InsPeK menyediakan platform kepada siswa UMK untuk menjadi pemimpin sukarelawan berasaskan kerangka kerja komuniti/sosial dari aspek teori dan praktikal.



KUNJUNGAN KE PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN BACHOK

09 MAC 2021 – InsPeK bersama pasukan penyelidik telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Jajahan (DO) Bachok, Tn Farid Razak berkaitan projek dan program berkaitan pengurusan kemiskinan yang sedang diusahakan oleh UMK dalam jajahan Bachok di Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok. Tiga (3) projek hybrid sedang dilaksanakan secara kerjasama antara UMK dan pihak korporat, seterusnya akan dilibatkan juga pihak Pejabat Tanah Bachok. Kerjasama baharu telah dirangka yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat, termasuk agen komuniti dan pemerkaasan ekosistem lokal.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DAN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

21 MAC 2021 – Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menjadi Universiti Awam (UA) pertama di Malaysia berkolaborasi dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi pelaksanaan Program Pembiayaan Mikro Bangkit termasuklah inisiatif – inisiatif kewangan sosial Bank Islam. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMK dan Bank Islam Malaysia Berhad telah berlangsung di American Corner, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok. Majlis menandatangani MoU telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato’ Ts. Dr. Noor Azizi Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, En. Mohd Muazzam Mohamed. Kerjasama itu turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob dan Pengurus Besar Hubungan Strategik Bank Islam Malaysia Berhad, Ustaz Mohd Nazri Chik.



WEBINAR – NATURE: THE BEST SCIENCE EDUCATOR

6 Februari 2021: Ts. Dr. Suganthi a/p Appalasley, Felo Bersekutu IFSSA, telah diundang sebagai penceramah webinar bagi tajuk Nature: The Best Science Educator. Webinar ini dikendalikan oleh International University Malaya Wales (IUMW) dan telah ditonton oleh pelbagai peringkat umur dan mendapat sambutan dari kalangan staf UMK, IUMW dan juga sekolah di sekitar Selangor melalui platform IUMW TV dan aplikasi Zoom. Webinar ini memberi pendedahan mengenai alam sekitar dan kepentingan STEM dalam pendidikan sains di negara. Selain daripada itu, ia secara tidak langsung dapat meningkatkan pendedahan kepada pendidikan sains berteraskan sumber asli dan peluang kerjaya dalam bidang sains.



PERBINCANGAN KERJASAMA DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

7 Februari 2021: Satu mesyuarat telah diadakan antara UMK bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membincangkan beberapa projek utama di antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Perbincangan Perasmian 3rd Asia Pasific Regional Conference on Food Security (ARCoFS 2021),
- ii) Pelaporan Projek Geran Pembangunan Agro Based Industry Development Project; dan
- iii) Permohonan Naik Taraf Jeli Cottage Complex.



MESYUARAT TEKNIKAL PROGRAM PERINTIS MODEL PEMBANGUNAN KOMUNITI LESTARI MELALUI INDUSTRI AGROTEKNOLOGI

1 Mac 2021: Satu lawatan kerja telah diadakan di Masala Wheels Social Enterprise bagi membincangkan lebih lanjut mengenai keperluan projek konsultansi Smart Urban Aquaculture. Projek ini merupakan kerjasama antara IFSSA dan Masala Wheels Social Enterprise. Lawatan ini disertai oleh kesemua pengasas Masala Wheels; Encik Kuhan dan Encik Thanasalan. Maklumat penting seperti objektif projek, susun atar dan ukuran tapak projek juga telah dicatatkan.

USAHAWAN BIMBINGAN IFSSA


IFSSA kini sedang rancak menerima usahawan baharu yang ingin mendapatkan perkhidmatan dari segi keperluan peralatan canggih berteknologi tinggi, perkhidmatan ruang, mahupun caj-caj perkhidmatan yang lain seperti konsultasi dan perkhidmatan nutrisi makanan. Mulai Januari sehingga Mac 2021, terdapat dua (2) usahawan baharu yang telah mendaftarkan sebagai Usahawan Bimbingan IFSSA, antaranya adalah seperti berikut:

MATLAIIN AGRO FOOD	LESUNG BATU KITCHEN
<ol style="list-style-type: none"> a. Encik Mohamad Faiz bin Mohd Nor merupakan alumni UMK tahun 2017 jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Penternakan) dengan kepujian. b. Memasarkan produk makanan sejuk beku dan ikan. c. Mendaftar di IFSSA pada 11 Februari 2021. 	<ol style="list-style-type: none"> a. Puan Maisyarah binti Mohamad Nor memulakan perniagaannya iaitu Sambal Mamachu pada Ogos 2018 yang beroperasi di Muadzam Shah, Pahang. b. Memasarkan produk makanan berasaskan sambal antaranya adalah: <ol style="list-style-type: none"> i. Sambal Mamachu Tempoyak Petai Versi Hijau, ii. Sambal Mamachu Tempoyak Petai Versi Merah, iii. Sambal Mamachu Belacan Bilis, dan iv. Sambal Mamachu Bilis Petai. c. Mendaftar di IFSSA pada 25 Mac 2021.




BENKEL TIPS MEMPEROLEH GERAN FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SCHEME (FRGS)

03 Mac 2021 – Bengkel ini diadakan bermatlamat untuk berkongsi pengalaman serta kaedah yang pernah digunakan untuk memenangi geran FRGS. Perkongsian ini dibuat oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Nooraini Binti Yusoff, pengarah JSD, dihadiri oleh pensyarah-pensyarah JSD dan juga Pengarah AIBIG YBrs. Dr. Muhammad Akmal Bin Remli serta felo AIBIG, En. Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong.



TOWNHALL PELAN HALA TUJU KECERDASAN BUATAN NEGARA

15 Mac 2021 – Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara dan Pengarah AIBIG telah menerima jemputan untuk terlibat dengan Malaysia AI Roadmap. Pelan ini memfokuskan kepada enam (6) strategi utama yang akan memperkukuhkan dan memperkasakan bidang kepintaran buatan ini peringkat nasional.



1ST ASEFINNOLAB ON UNIVERSITIES' ROLE IN AI INNOVATION ECOSYSTEMS

25 Mac 2021 – Pengarah AIBIG telah menerima jemputan daripada The Asia-Europe Foundation (ASEF) untuk memberi pandangan dan idea untuk memperkasakan peranan sesebuah institusi pendidikan dalam pembangunan ekosistem inovasi kepintaran buatan (*artificial intelligence innovation ecosystems*). Bengkel yang diadakan secara dalam talian ini berlangsung selama 8 minggu, bermula dari 25 Mac 2021 hingga 13 Mei 2021.

1st ASEFINnoLab akan menjadi satu platform untuk peserta berkongsi pengalaman, memikirkan idea baharu dan meneroka pelbagai ruang untuk kolaborasi dalam pembangunan ekosistem inovasi kecerdasan buatan.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

*Entrepreneurship
is Our Thrust*

*Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama*

*#WeAreUMKFAMILY
#OneUMKoneDream*



OfficialUMK
umk.edu.my



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok
16300 Bachok, Kelantan

Tel : +609-7797000
Email: tncpi@umk.edu.my

